

DUA TERAS, SATU DESTINASI: PELAN REFORMASI STRATEGIK PTV KE ARAH PEMBANGUNAN SEJAGAT

MOHD ZULFADLY OTHMAN¹, ROHANA HAMZAH^{2*}, ISMAIL SABRI
NORIHAN³& MUHAMMAD AFZAMIMAN ARIPIN⁴

Abstrak. Transformasi sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) menjadi keutamaan di kebanyakan negara membangun sebagai alternatif untuk mengadaptasi perubahan globalisasi. Perubahan pesat pembangunan industri dan teknologi turut memberi impak kepada sistem PTV di Malaysia. Proses penstrukturran semula sistem pendidikan memperlihatkan pelbagai perubahan dan paradigm baru telah dilaksanakan terutamanya dalam sistem PTV di negara ini. Namun, bagi menjadikan proses transformasi sistem PTV sebagai sesuatu yang lebih bermakna, keutamaan perlu diberikan kepada pembinaan rangka perancangan bagi memastikan keberkesanan dalam proses transformasinya. Pengisian kepada perancangannya seharusnya bukan sahaja memenuhi keperluan intelek tetapi, mampu menggabungkan penghayatan ilmu, iman dan amal sebagai proses membangunkan potensi keseluruhan manusia. Pendekatan Malaysia menggunakan sistem Barat dalam proses memformulasi rangka perancangan strategik penggubalan dasar dan kurikulum pendidikan perlu dikaji semula agar implimentasi pendidikan dapat dijalankan dengan sempurna menerusi penerapan nilai-nilai Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan kepada keperluan untuk menjadikan perlaksanaan transformasi PTV yang bersifat sejagat, artikel ini mencadangkan kerangka Pelan Transformasi Strategik Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTSPTV) dibina dengan menekankan integrasi dua teras utama iaitu spiritual dan intelektual. Kerangka PTSPTV yang dibentuk diharap dapat dijadikan sebagai pengisian utama transformasi PTV serta dapat dijadikan sebagai usaha merealisasikan visi dan misi pendidikan iaitu mengenal hakikat kejadian diri (kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan -manusia sebagai hamba dan khalifah; tanggungjawab amalan sosial) sebagai asas pembangunan insan seimbang. Empat fasa utama kaedah perlaksanaan PTSPTV dengan integrasi dua teras tersebut juga diperbincangkan secara umum menerusi artikel ini.

Kata kunci: Pelan strategik; transformasi; spiritual; falsafah; mengenal hakikat diri

Abstract. Reformation of Technical and Vocational Education (TVE) system becomes a priority that serve as an alternative to adapt the globalization changes in the most developing countries. Rapid changes of industrial and technology also give a significant impact towards TVE systems in Malaysia. Restructuring process of the education system show various changes and new paradigm has been implemented mainly for TVE in this country. However, to formulate a

¹⁻⁴ Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru

* Corresponding author: anahaiqal@yahoo.com

meaningful transformation process for TVE system, priority should be given to the development of framework plan to ensure an effective reformation process. The contents of the plan should not only fulfill intellectual need but also be able to unite the appreciation of knowledge, faith and practice in the process of developing human full potential. Malaysia's approach of using the Western system in the process of formulating a strategic planning and education curriculum especially for Technical and Vocational education should be reviewed to ensure the implementation is properly resemblance with the important concepts emphasized in National Philosophy of Education. Based on the need to the realization of universal TVE, this article suggested the Technical and Vocational Education Strategic Transformation Plan (TVESTP) framework built with an emphasis on the integration of two major thrusts, namely spiritual and intellectual. Hopefully, the TVESTP framework will serve as the main reference for TVE transformation process and also in realizing the vision and mission of education which is to achieve self-actualization (human being with sense of slave only to God and as God's khalifah; leader in social and career development) as the fundamental requirement in developing and producing a balance individual through TVE. Four main phases of TVESTP implementation method integrated with both of the thrusts also discussed generally throughout this article.

Keywords: Strategic plan; transformation; spiritual; philosophy; self actualization

1.0 PENGENALAN

Cabarannya sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) pada hari ini adalah cukup besar. Masyarakat telah meletakkan harapan dan kepercayaan yang tinggi kepada institusi-institusi pendidikan berteraskan PTV untuk melahirkan bukan sahaja individu berilmu malah menguasai teknologi dan pelbagai kemahiran generik, serta berkebolehan untuk bersaing di peringkat global. Realitinya, impak globalisasi terhadap sistem pendidikan negara telah membawa kepada transformasi dan tuntutan baru dalam sistem PTV. Mohamed Rashid (2002) mengakui bahawa PTV pada masa kini akan berhadapan dengan cabaran globalisasi baru yang memerlukan paradigma dan perubahan yang lebih berinovasi agar mampu melahirkan modal insan berminda kelas pertama.

Transformasi PTV memerlukan hala tuju yang jelas bagi memastikan kesempurnaan pelaksanaannya sebagai proses berterusan dalam menjana intelek, akhlak dan potensi individu yang mempunyai keperibadian luhur dari segi jasmani dan rohani. Penetapan misi dan visi menerusi pelan strategik PTV memerlukan proses transformasi pendidikan yang dirancang secara lebih berfokus, berinovasi, serta mengaplikasikan pendekatan yang bersifat sejagat. Pendekatan bersepadan dan menyeluruh ini perlu mengimplementasikan konsep pendidikan seperti yang diutarakan oleh Tajul Ariffin (1993). Menurut beliau, pembinaan pendidikan

perlu berpaksikan kepada kesinambungan yang lebih bermakna ke arah mewujudkan insan yang kamil dengan menggabungkan penghayatan ilmu, iman dan amal. Perkara ini seterusnya mampu mencetuskan pemikiran yang membawa manusia kepada mengenal dan semakin mendekati Tuhan yang menciptanya.

Melalui kajian penanda aras di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, dan New Zealand, secara keseluruhannya, negara-negara ini telah mengaplikasikan kerangka perancangan strategik bagi melaksanakan proses perubahan dalam sistem pendidikan di negara mereka (Cranston, 2000). Di Malaysia, konsep perancangan strategik yang sama telah diambil dalam misi transformasi sistem pendidikan secara keseluruhannya. Sebagai contoh, pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) yang mengangkat Teras Kedua (membangunkan modal insan berminda kelas pertama) dan Teras Keempat (meningkat tahap dan kemampanan kualiti hidup) Misi Nasional sebagai wadah untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Pembangunan kedua-dua teras ini turut mengambil pendekatan perancangan strategik yang sama dalam proses merangka dasarnya (Hairuddin dan Bustaman, 2009).

Namun, proses transformasi pendidikan yang berorientasikan kepada pelan strategik daripada negara-negara barat, secara tidak langsung telah mengaburi halatuju pendidikan di Malaysia. Pelan Pendidikan Kebangsaan 2006-2010 yang memfokuskan matlamat mencapai pendidikan untuk semua (*education for all*) juga dilihat belum mampu untuk menterjemahkan hasrat proses pendidikan seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tajul Ariffin (1993) secara tegasnya mengatakan bahawa transformasi sistem pendidikan di Malaysia sejak daripada pelancaran Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 kurang memberikan penekanan kepada nilai-nilai yang sepatutnya difokuskan bersandarkan kepada Falsafah Pendidikan Negara.

2.0 DUA TERAS, SATU DESTINASI SEBAGAI INTIPATI TRANSFORMASI PTV

Dasar pembangunan PTV perlu dikaji semula bagi memastikan wadah pendidikan sebagai pembangun potensi keseluruhan manusia dapat dijadikan standard oleh semua pihak. Tajul Ariffin (1993) dan Khursid Ahmad (1974) dengan jelas memberi penekanan bahawa matlamat dasar pendidikan untuk melahirkan tenaga

mahir dan mengukuhkan perpaduan rakyat ternyata belum berjaya membentuk manusia yang berakhhlak mulia. Ini kerana kurikulum yang diasaskan kepada perkembangan kognitif sehingga mengabaikan perkembangan spiritual manusia menjadi punca daripada kegagalan dalam merangka ilmu pengetahuan yang bersepadu. Kenyataan ini disokong oleh Abdul Rahim (2007) yang menyarankan untuk menjadikan elemen kebenaran abadi (kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan) melalui sumber agama sebagai dimensi pembentukan kurikulum pendidikan merupakan saranan yang perlu diteliti sebaiknya oleh semua pihak terutamanya para penggubal dan perancang dasar dalam merancang perubahan pendidikan.

Melihat kepada kepentingan transformasi pendidikan yang meruanglingkupkan dimensi kerohanian sebagai intipati dalam memperkasa institusi pendidikan, maka alternatif dua teras dan satu destinasi dijadikan sebagai wadah dalam proses merancang pelan transformasi strategik PTV ke arah pembangunan sejagat. Dua teras yang ditekankan adalah teras spiritual yang mendasari falsafah ketuhanan serta teras kognitif yang berpaksikan kepada intelektual dan praktikaliti. Implementasi kedua-dua teras ini akan membentuk sistem PTV yang universal dan mampu membimbing manusia untuk mengenal hakikat diri (*self actualization*). Potensi mengenal hakikat diri ini akan menjadi asas kepada proses pembangunan manusia secara menyeluruh (Rohana, 2010).



Rajah 1 Komponen dalam dua teras dan satu destinasi pelan transformasi PTV (diubah suai daripada Model Pendidikan Bersepadu oleh Tajul Ariffin, 1993)

Piawai untuk menjadikan pelaksanaan sistem PTV sebagai pemacu pembangunan sejagat seharusnya bermula daripada peringkat perancangan dalam mencorakkan dasar dan hala tujuanya. Berdasarkan kepada Rajah 1 pendekatan meletakkan teras spiritual dan teras kognitif sebagai landasan pelan transformasi strategik membolehkan pengisian kurikulum PTV yang diimplimentasikan mempunyai konsep yang lebih bersepadu. Pendidikan bersepadu menekankan integrasi antara iman dan ilmu, roh dan jasad, dunia dan addin, fikiran dan hati, serta akal dan jasmani (Mohd Kamal, 1988). Oleh itu, kurikulum pendidikan yang bersifat bersepadu perlu memenuhi tiga unsur utama iaitu pengisian roh, akal dan jasmani (Imam Ghazali, 1980).

Terletak di antara sistem agama dan pengetahuan intelek, falsafah menurut Tajul Ariffin (1993) merupakan kaedah berfikir secara teratur dan bersistem untuk mencari kebenaran mutlak. Berdasarkan kepada peranannya sebagai pengantara di antara dimensi teologi iaitu ilmu ketuhanan, dan dimensi sains yang meliputi ilmu fizikal dan kemanusiaan (Russel, 1959), falsafah diaplikasikan sebagai medium yang akan menyatukan secara harmoni kedua-dua teras spiritual dan teras kognitif dalam pelan transformasi PTV ini. Meletakkan falsafah sebagai wahana integrasi mampu dijadikan sebagai alternatif untuk mendalamai prinsip ketuhanan, alam semesta dan manusia yang seterusnya menghasilkan pengetahuan dalam ruang batas kemampuan akal manusia.

Keupayaan membangunkan manusia yang mengenal hakikat diri menurut adalah bergantung kepada penekanan sistem pendidikan dalam membentuk jalinan di antara unsur intelek, psikomotor dan jasmani dengan unsur-unsur spiritual (Tajul Ariffin, 1993). Melalui kesepadan komponen-komponen yang terkandung dalam dua teras utama proses transformasi ini, sistem PTV yang dilaksanakan seharusnya mampu membentuk kaedah berfikir secara logik untuk memahami fitrah keseimbangan hukum alam serta berkupayaan melahirkan manusia yang menghayati nilai perhubungan antara manusia, alam dan pencipta, selain memahami peranan manusia itu sendiri.

3.0 PELAN TRANSFORMASI STRATEGIK PTV (PTSPTV)

Perkataan “strategi” digunakan sejak abad ke 400 SM. Perkataan ini berasal daripada perkataan Greek iaitu “*strategos*,” yang secara istilahnya bermaksud

“ketua tentera” kerana sering diaplikasikan dalam ketenteraan (Hairuddin dan Bustaman, 2009). Perancangan strategik pula adalah tahap perancangan tertinggi dalam melihat hala tuju organisasi dalam jangka masa panjang iaitu sekurang-kurangnya antara tiga hingga lima tahun akan datang dalam skop yang lebih luas (David, 1996). Perancangan strategik seperti yang dikonsepkan oleh Sybouts (1992) terdiri daripada beberapa proses umum yang perlu digerakkan oleh pihak berkepentingan iaitu:

- i. Melaksanakan analisis strategik,
- ii. Memperjelaskan misi dan tujuan,
- iii. Memilih strategi untuk mencapai tujuan dan,
- iv. Melaksanakan perancangan strategik kepada pelan tindakan.

Daripada perspektif sejarah Islam, pengaplikasian proses perancangan strategik banyak digunakan dalam usaha memelihara kesucian al-Quran. Antaranya ialah Saidina Umar al-Khattab yang mengambil keputusan mendokumentasikan al-Quran walaupun pada mulanya mendapat tentangan. Tetapi disebabkan beliau dikatakan mempunyai pemikiran strategik dengan melihat perubahan persekitaran yang menyaksikan ramai para hafiz syahid dalam peperangan, maka pendokumentasian al-Quran dilaksanakan (Hairuddin, 2009). Begitu juga dengan usaha Imam Bukhari dalam usahanya mendokumenkan hadis-hadis Rasulullah. Oleh itu, proses perancangan strategik dapat dikonsepkan sebagai proses pendokumentasian secara sistematik perancangan yang akan dilakukan, mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat, pendekatan untuk mencapainya, di samping menjadikannya sebagai rujukan untuk langkah pencegahan, pemulihan dan penambahbaikan.

Berdasarkan kepada keperluan untuk menjadikan perlaksanaan PTV yang yang bersifat sejagat, kerangka Pelan Transformasi Strategik PTV (Rajah 2) dibina dengan menekankan kepada dua teras utama iaitu teras spiritual dan teras intelektual. Kerangka ini seterusnya dijadikan sebagai pengisian utama dalam usaha merealisasikan visi dan misi destinasi pendidikan iaitu kesedaran manusia untuk hidup bertuhan serta bertanggungjawab sebagai pemimpin kesejahteraan kepada diri dan seluruh alam (*self actualization*). Kurikulum pendidikan moden yang akan memberikan anjakan fokus hubungan manusia dengan faktor persekitaran kepada penerapan kesepadanuan antara ilmu akal dengan ilmu wahyu.



Rajah 2 Pelan Transformasi Strategik PTV (diubah suai daripada Hairuddin dan Bustaman, 2009)

Pelan Transformasi Strategik PTV (PTSPTV) ini diubah suai daripada model umum perancangan strategik merupakan alternatif bagi memastikan keupayaannya dalam merangka sistem PTV yang berpaksikan kepada pendekatan menyeluruh dan mampu membina kecemerlangan sejagat. Berdasarkan kepada Rajah 2, empat fasa utama dalam proses merangka PTSPTV ini secara keseluruhan bertunjangkan kepada teras spiritual dan teras kognitif, serta destinasi pendidikan iaitu mengenal hakikat diri (self actualization) sebagai misi utama transformasi PTV.

Dalam proses menentukan visi dan misi transformasi PTV, ruang lingkup pihak berkepentingan seharusnya dilihat secara lebih luas bagi memastikan pembinaan halalatuju pelan strategik yang bersifat universal dan mampu memainkan peranan sebagai rujukan peringkat perlaksanaan rancangan strategik yang seterusnya. Peringkat praperancangan pada fasa kedua PTSPTV seharusnya menekankan pendekatan penyelidikan sebagai proses untuk mendapatkan maklumat mengenai masalah dan isu pendidikan, serta menjadikan

penyelesaiannya sebagai panduan kepada pembinaan dasar pendidikan. Walau bagaimanapun, budaya implementasi proses transformasi berteraskan hasil penyelidikan masih kurang mantap dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh itu, jalinan kerjasama di antara institusi-institusi pendidikan tinggi dan pihak pelaksana perlu diperkuatkan dan dipertingkatkan agar boleh membantu dalam proses penambahan polisi, pemantauan program, penilaian dan pembangunan pendidikan (Aminah Ayob, 2008).

Bagi memastikan perlaksanaan perancangan dibuat dengan lancar dan menepati komponen-komponen yang telah dirancang, proses penilaian yang signifikan perlu diformulasikan secara berterusan. Sebarang kesilapan yang berlaku perlu diperbaiki bagi memastikan prestasi perancangan strategik tidak terganggu (Chang, 2008). Status perlaksanaan setiap peringkat perancangan perlu berdasarkan penetapan visi, misi dan halatuju pelan strategik yang telah dirangka. Usaha ini perlu bagi memastikan perlaksanaan pengisian kurikulum PTV dapat mengadaptasi perubahan globalisasi, kehendak masyarakat dan kerjaya serta mengekalkan budaya kelestarian ilmu sebagai epistemologi yang akan menjadikan ilmu wahu sebagai asas kepada pembangunan daya intelektual.

FASA I: Menetapkan Misi dan Visi transformasi PTV

Kecemerlangan institusi PTV berkait rapat dengan keperluan yang telah digarisukkan oleh pihak berkepentingan (*stakeholders/ industri*). Sevier (2003) menjelaskan pihak berkepentingan sebagai peraturan yang digunakan dalam pentadbiran dan menjadi panduan institusi. Sebagai panduan merangka strategi transformasi yang berkesan, skop mandat yang biasanya dijadikan sebagai asas kepada pembinaan misi dan visi transformasi pendidikan di Malaysia adalah seperti berikut (Menurut Hairuddin dan Bustaman, 2009):

- i. Dasar Pendidikan Kebangsaan
- ii. Dasar Wawasan Negara
- iii. Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- iv. Akta Pendidikan 1996
- v. Arahan Perbendaharaan
- vi. Surat Pekeliling Ikhtisas
- vii. Perintah Am

Jika dilihat dengan teliti, ruang lingkup mandat atau dasar kerajaan yang diaplikasikan dalam menetapkan misi dan visi transformasi pendidikan di Malaysia masih lagi bersifat terpisah. Intipati pengupayaannya dilihat wujud secara serpihan iaitu kurang menekankan kepada prinsip kesinambungan di antara setiap dasar atau akta yang dilaksanakan khususnya dalam pendidikan. Seharusnya, setiap daripada akta atau dasar berkaitan pendidikan yang diwujudkan perlu diperhalusi semula dengan menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai panduan utama proses transformasi PTV.

Tiga entiti yang membentuk rantai nilai FPK dapat diperjelaskan dengan merujuk kepada Rajah 3. Setiap daripada entiti ini akan menjadi rujukan utama yang akan menentukan misi dan visi setiap tindakan transformasi PTV di Malaysia.



Rajah 3 Tiga dimensi spiritual yang seharusnya dijadikan sebagai rujukan utama penggubalan akta bagi menentukan misi dan visi PTSPTV (diubah suai daipada Tajul Ariffin, 1993)

Tajul Ariffin (1993) yang menjelaskan bahawa pendekatan dalam pendidikan perlulah bersifat integral iaitu menyatukan antara dimensi manusia dengan manusia, manusia dengan alam, dan manusia dengan Tuhan. Konsep ini menjelaskan bahawa implementasi pendidikan perlu mendasari kesepadan di antara ilmu akal (kognitif) dengan ilmu wahyu yang menjadikan tauhid dan aqidah sebagai paksinya. Inilah yang dimaksudkan dengan kaedah atau pendekatan **holistik** dalam proses pendidikan.

Dalam PTSPTV ini, transformasi PTV tidak seharusnya dipandang sebagai satu penyusunan aktiviti yang bersifat fizikal dan empirikal sahaja. Penerapan mandat spiritual yang menggambarkan halatuju PTV yang bersifat universal diperlukan sebagai penghubung antara pembangunan daya intelektual, kemahiran dan kesedaran perhubungan Pencipta dengan manusia dan tanggungjawab sosial manusia sesama manusia dan alam. Usaha untuk mencapai tujuan tertinggi pendidikan menurut Tajul Ariffin (1993) tidak akan tercapai tanpa berasaskan kepada landasan nilai tertinggi iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang Esa sebagai unsur penyatu dalam proses penyepaduan kepebagaiannya ilmu untuk menghasilkan sesuatu idea atau proses berfikir yang lebih bermakna. Oleh itu, bagi mendokong keupayaan sistem PTV ke arah pembangunan sejagat, penerapan nilai Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dijadikan sebagai sebagai garis panduan utama dalam menetapkan misi manusia sebagai pemimpin kesejahteraan serta visi untuk mendidik kesedaran diri manusia sebagai hamba hanya kepada Tuhan yang Esa. Pendidikan jiwa kehambaan yang tepat adalah kunci bagi melahirkan manusia berjiwa merdeka iaitu manusia yang mampu berfikir secara menyatu bukan terpisah dan seterusnya mencorak perubahan masa hadapan.

FASA II: Proses Praperancangan dan Penyelidikan

Secara umumnya, proses praperancangan merupakan tahap yang penting dalam pembentukan pelan strategik. Peringkat ini perlu bagi memastikan kesediaan organisasi atau sistem yang terlibat untuk merancang dan melaksanakan perancangan yang akan dibuat. Dilihat daripada perspektif organisasi PTV, semua pihak yang terlibat dalam pembinaan pelan ini seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, sektor-sektor swasta, institusi-institusi pendidikan dan masyarakat amnya, perlu diberikan kefahaman yang terperinci mengenai kerangka perlaksanaannya. proses praperancangan yang merangkumi aktiviti-aktiviti berikut (Bryson, 2003 dan Doherty, 1998):

- i. Berusaha membina komitmen semua pihak yang terlibat.
- ii. Membentuk jawatankuasa penggerak pembinaan pelan strategik.
- iii. Menganalisis pencapaian terdahulu organisasi.
- iv. Mengumpulkan maklumat-maklumat penting organisasi.
- v. Menyediakan kerangka kerja pembinaan perancangan strategik.

Proses praperancangan dianggap sukar kerana tidak semua pihak boleh menerima agenda perubahan dengan baik (Hairuddin dan Bustaman, 2009). Faktor keberkesanan pelan pendidikan yang dilaksanakan antara punca proses transformasi pendidikan semakin sukar dilaksanakan. Oleh itu diusulkan agar setiap penggubalan dasar pendidikan perlu dibuat berdasarkan kepada perancangan dan hasil kajian penyelidikan pendidikan.

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang akan menghapuskan sistem peperiksaan awam juga antara dasar yang masih menjadi agenda perdebatan dalam sistem pendidikan di Malaysia di samping dasar penstrukturuan semula persekolahan teknik dan vokasional pada tahun 1996 yang masih belum terjawab sehingga kini (Mohamed Rashid, 2002). Sebagai resolusinya, pembinaan perancangan strategik PTV ini perlu menjadikan penyelidikan sebagai asas utama dalam merangka proses transformasi. Perkara ini seterusnya mampu mewujudkan kepercayaan dan komitmen daripada semua pihak. Kepentingan dalam menjadikan proses penyelidikan sebagai pengisian pertama sebelum implemtasi transformasi pendidikan diakui oleh Aminah Ayob (2005), yang menekankan kepentingan peranan penyelidikan pendidikan dalam menghasilkan data empirikal, statistik dan resolusi untuk semua aspek pendidikan serta digunakan oleh pembina polisi dan penggubal pendidikan.

Selain menjadi piawai kepada perancang strategik pendidikan, penyelidikan pendidikan juga berperanan sebagai intipati rujukan dalam memperkasa proses pengajaran latihan khususnya dalam PTV. Selaras dengan dua teras utama dalam PTSPTV ini, perlu ditekankan bahawa proses penyelidikan seharusnya tidak hanya berkisar kepada hubungan manusia dengan persekitarannya sahaja, tetapi perlu menghubungkan faktor kerohanian dan ketuhanan sebagai matlamat utama penyelidikan dalam mencari kebenaran mutlak iaitu kebenaran yang akan membawa manusia untuk lebih mengenali Tuhan yang menciptanya (Rohana, 2010).

FASA III: Analisis Persekutaran Bersepadu

Analisis persekitaran merupakan kaedah sistematik yang penting dalam proses untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi potensi atau penghalang kepada pelaksanaan misi organisasi. Kajian daripada Olsen, Murthy dan Teare (1994) membuktikan analisis terhadap persekitaran berpotensi untuk meningkatkan

prestasi sesebuah organisasi. Secara umumnya, analisis persekitaran sebagaimana yang digunakan oleh negara Barat terbahagi kepada dua faktor utama (rujuk Jadual 1):

Jadual 1 Aspek dan sumber dalam analisis persekitaran (Hairuddin dan Bustaman, 2009)

Analisis Persekitaran Aspek	Faktor Dalaman		Faktor Luaran
		Kekuatan dan kelemahan	Peluang dan ancaman
Sumber	1. Kewangan 2. Fizikal 3. Teknologi 4. Organisasi 5. Sumber manusia 6. Inovasi 7. Reputasi		1. Politik 2. Masyarakat 3. Demografi 4. Ekonomi 5. Pelanggan 6. Pesaing

Berdasarkan kepada analisis persekitaran yang dilakukan oleh perancang-perancang strategik Barat, faktor-faktor persekitaran dalaman dilihat lebih tertumpu kepada faktor kognitif dan materialistik sahaja iaitu melibatkan komponen-komponen yang berada dalam kawalan sebuah organisasi. Penganalisis strategik Emily Gantz McKay (2001) dan Fidler (2002) juga dilihat mentafsirkan analisis persekitaran dalaman sebagai proses untuk mengakses semula prestasi organisasi dari segi kewangan, sumber manusia, dan strategi pengoperasian sahaja.

Analisis persekitaran berpaksikan kepada faktor materialistik sebegini secara tidak sedar telah mempengaruhi penganalisis strategik pendidikan di Malaysia. Antaranya ialah Hairuddin dan Bustaman (2009). Buku Perancangan Strategik Sekolah tulisan mereka telah mengaplikasikan proses perancangan strategik yang dilandaskan kepada konsep dan intipati penganalisis strategik Barat. Aspek yang diutamakan dalam menganalisis faktor-faktor persekitaran dalaman lebih berkONSEPkan keuntungan material yang dilihat semakin menjauhi konsep nilai yang diterapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Perkara ini merupakan antara kelemahan yang wujud sejak sekian lamanya dalam dunia pendidikan Malaysia (Tajul Ariffin, 1993).

Kesan negatif dalam sistem pendidikan adalah berpunca daripada konsep sistem yang terlalu mengutamakan rasionaliti untuk mencapai kehendak individu dan tanpa menyedari wujudnya jurang luas di antara manusia dan Penciptanya (Salleh, 1988). Dowson (1960) dalam penulisannya, *The Crisis of Western*

Education, mengakui bahawa Pendidikan moden yang berorientasikan kehidupan keduniaan dan kebendaan sahaja sukar untuk membina nilai murni sehingga menyebabkan martabat manusia jatuh ke tahap yang lebih rendah daripada haiwan. Menyedari hakikat ini, rancangan transformasi pendidikan perlu kembali kepada realiti sebenar. Proses kehidupan manusia perlu meliputi ruang lingkup kedua-dua sistem dunia dan akhirat (Tajul Ariffin, 1993). Alternatif terbaik adalah dengan menyeimbangkan semula keupayaan transformasi pendidikan dengan meneliti semula skop analisis persekitaran melalui penerapan dua teras utama seperti yang ditekankan dalam PTSPTV ini.

Melalui tinjauan semula pendekatan analisis persekitaran dalam proses perancangan strategik, aspek yang dilihat dalam komponen dalaman dan luaran perlu disepadukan dengan jalinan falsafah kerohanian dan moral. Pengisian sebegini perlu diselaraskan seperti konsep yang digambarkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menggalakkan kemajuan pembangunan intelektual di samping menekankan potensi spiritual yang akan membawa manusia semakin hampir kepada Tuhan (Mok Soon Sang, 2008). Jadual 2 menunjukkan elemen spiritual yang seharusnya diimplementasikan dalam analisis persekitaran holistik bagi PTSPTV.

Jadual 2 Elemen spiritual dan fizikal dalam analisis persekitaran bersepadu

Analisis Persekuturan Bersepadu	Faktor Dalaman		Faktor Luaran		
	Aspek Sumber	Kekuatan dan Kelemahan Spiritual	Peluang dan Ancaman Fizikal	Spiritual	Fizikal

FASA IV: Menjana Strategi dan Implemtasi

Strategi disifatkan sebagai sesuatu yang sejagat kerana keupayaan aplikasinya mampu merentasi pelbagai peringkat organisasi (Hairuddin dan Bustaman, 2009). Proses menjana strategi yang berkualiti bergantung kepada kesempurnaan analisis persekitaran yang telah dilaksanakan. Pada peringkat ini, pembinaan strategi perlu menggunakan pendekatan matriks SWOT (*Strengths, Weaknesses,*

Opportunities, and Threats) seperti yang disarankan oleh Bryson dan Alston (1996). Hairuddin dan Bustaman (2009) menyatakan bahawa implementasi strategi yang berkesan adalah berasaskan penggunaan kekuatan (*strengths*) untuk merebut peluang (*opportunities*) bagi mengurangkan impak kelemahan (*weaknesses*) dan ancaman (*threat*).

Proses menjana strategi transformasi pendidikan dengan menggunakan kaedah matriks SWOT merupakan pendekatan sistematis yang perlu dalam memastikan sistem pendidikan mampu mengadaptasi segala tekanan dan cabaran yang wujud di luar persekitarannya. Namun, perlaksanaannya perlu bersifat lebih bersepadan dan menyeluruh memandangkan peranan merangka strategi ini merupakan antara peringkat yang sangat penting serta mempunyai skop peranan yang sangat besar dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan.

Proses pencarian kebenaran ilmu seharusnya tidak hanya memformatkan kepada kaedah dan aplikasi saintifik sahaja, tetapi perlu menghubungjalinkan pendekatan universal yang didasari dimensi peraturan Pencipta (Tajul Ariffin, 1993). Oleh itu, komponen dua teras seperti yang ditekankan implimentasinya dalam kerangka PTSPTV pada fasa praperancangan sehingga kepada fasa analisis persekitaran, perlu dilanjutkan dalam fasa pembinaan strategi bagi memastikan teras falsafah ketuhanan dan teras intelektual dapat diterapkan secara menyeluruh dalam PTSPTV. Jadual 3 menunjukkan jadual matriks SWOT yang telah dijalinkan dengan dimensi spiritual sebagai pengisian bersepadan penjanaan strategi.

Jadual 3 Pendekatan matriks SWOT dalam proses menjana strategi PTSPTV (diubah suai daripada Hairuddin dan Bustaman, 2009)

		Faktor Dalaman		Kekuatan (S)		Kelemahan (W)	
				Senaraikan kekuatan Spiritual	Senaraikan kekuatan Fizikal	Senaraikan kelemahan Spiritual	Senaraikan kelemahan Fizikal
Faktor Luaran				Strategi S – O		Strategi W – O	
Peluang (O)	Spiritual			Strategi S – O		Strategi W – O	
	Senaraikan peluang Fizikal			Gunakan kekuatan untuk merebut peluang		Atasi kelemahan dengan mengambil peluang yang ada	
Ancaman (T)	Spiritual			Strategi S – T		Strategi W – T	
	Senaraikan ancaman Fizikal			Gunakan kekuatan bagi menghadapi ancaman		Minimumkan kelemahan dan cabaran	

Berdasarkan kepada analisis matriks SWOT, proses memadankan faktor dalaman, iaitu kekuatan (S) dan kelemahan (W) dengan faktor luaran, iaitu ancaman (T) dan peluang (O) akan menghasilkan empat kluster strategi (Hairuddin dan Bustaman, 2009):

- i. Strategi (S - O) untuk memperolehi peluang (O) yang sesuai dengan kekuatan (S) institusi. Strategi yang dibina perlu meliputi kekuatan dan peluang spiritual selain diseimbangkan dengan komponen-komponen fizikal dalaman dan luaran yang dirangkumi sistem PTV.
- ii. Strategi (W - O) untuk mengatasi sebarang kelemahan (W) berdasarkan peluang yang ada. Transformasi PTV perlu memastikan setiap kelemahan dilihat secara menyeluruh meliputi skop spiritual dan fizikal sebelum menggunakan peluang untuk mengatasi setiap kelemahan yang wujud.
- iii. Strategi (S - T) untuk mengenal pasti kaedah mengurangkan impak ancaman (T) melalui kekuatan (S) institusi. Ancaman berbentuk spiritual dan fizikal perlu ditangani secara sistematik melalui kekuatan spiritual dan fizikal yang wujud dalam sistem PTV.
- iv. Strategi (W - T) mewujudkan pelan pertahanan untuk menghalang kelemahan (W) organisasi daripada ancaman (T) luaran. Tiada sistem yang sempurna kecuali sistem yang ditetapkan Tuhan. Sistem PTV perlu menjana strategi kawalan bagi memastikan kelemahan dan ancaman yang wujud secara spiritual dan fizikal tidak mengganggu implementasi kurikulum PTV.

4.0 KESIMPULAN

Kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan bergantung kepada strategi pengurusan untuk menentukan halatuju strategik yang jelas. Oleh itu, perancangan strategik merupakan elemen utama untuk memastikan institusi pendidikan terus melangkah ke hadapan dengan teratur dan penuh kejayaan. Penyediaan perancangan strategik seperti ini akan dapat membantu ke arah memacu transformasi sistem PTV dengan lebih mantap dan berkesan terutama dalam usaha membangunkan modal insan cemerlang dan seimbang. Perkara ini bertepatan dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)

yang menegaskan bahawa modal insan seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran ialah insan yang mempunyai minda kelas pertama iaitu insan yang mempunyai kebijaksanaan (*wisdom*) membuat pertimbangan dan keputusan dalam semua aspek kehidupan serta dapat melahirkannya dalam tingkahlaku dan perbuatan yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya, serta diperkaya modal budayanya.

Proses pembinaan insan cemerlang yang mampu menyepadukan ilmu akal dan ilmu wahyu, antara tauhid dengan akidah sebagai paksinya bukanlah proses yang mudah serta mengambil masa yang singkat. Proses ini memerlukan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang yang rapi serta kerjasama dari semua pihak. Tanggungjawab yang berat ini bukan hanya terletak kepada guru tetapi juga sekolah dan masyarakat seluruhnya. Hal ini kerana pendidikan memainkan peranan utama memenuhi tuntutan untuk membentuk manusia cemerlang yang mampu mengambil bahagian dalam pembinaan tamadun gemilang.

Sesungguhnya manusia hanya merancang, Tuhan juga yang menentukan keberkesanannya dan kejayaannya. Namun, manusia perlu merancang dan melaksanakan pelan tindakannya dengan sepenuhnya. Perancangan strategik yang rapi dan dibekalkan dengan keikhlasan membentuk kesatuan dimensi manusia, alam dan Tuhan adalah kunci formulasi kepada pembinaan PTSPTV yang sempurna untuk dilaksanakan.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan. 2007. *Pengajian Kurikulum*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Johor, Malaysia
- Aminah Ayob. 2008. *The Development of Educational Research in Malaysia: A Critical Review*. The Malaysian Educational Odyssey, Oxford Fajar Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Bryson, J. M & Alston, F. K. 1996. *Creating and Implementing your Strategic Plan: A Workbook for Public and non Profit Organizations*. Second Edition. San Francisco, Jossey-Bass.
- Chang Li Wei. 2008. *Beyond Strategic Vision: Effective Corporate Action with Hoshin Planning*. New York: Butterworth-Heinemann.
- Cranston, N. 2000. The Impact of School Based Management on Primary School Principals: An Australian Perspective. *Journal of School Leadership*.
- Christoper Dawson. 1960. *The Crisis of Western Education*. New York.
- David, B. 1996. Introduction to the Special Edition on Strategy and Strategic Leadership. *School Leadership and Management*. *Journal of School Leadership*. 10(3).
- Doherty. 1998. *Strategic Management: Creating Competitive Advantages*. McGraw-Hill & Irwin. New York.
- Emily Gantz Mckay. 2001. *Strategic Management of Public and Third Sector Organizations: A Handbook for Leader*. Jossey-Bass. San Fancisco.

- Fidler, B. 2002. *Strategic Management for School Improvement: Planning your Strategy*. Paul Chapman Publishing, London.
- Gwang Chol Chang. 2008. *Strategic Planning in Education: Some Concepts and Methods*. International Institute for Educational Planning. Paris UNESCO.
- Hairuddin dan Bustaman. 2009. *Perancangan Strategik Sekolah*. PTS Professional Publishing. Selangor Malaysia.
- Ibrahim. 2008. *MALAYSIA from Traditional to Smart School: The Malaysian Educational Odyssey*. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Imam Ghazali. 1980. Ihya-Ulumiddin: Jiwa Agama. *Jurnal Pendidikan*. Fokus KBSM. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khurshid Ahmad. 1974. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Penerbit Angkatan Belia Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Majlis Kesatuan Persatuan Guru Malaysia. 2005. Laporan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Mohamed Rashid Navi Bax. 2002. *Technical Vocational Education, Polytechnics, and Community Colleges*. The Malaysian Educational Odyssey, Oxford Fajar Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan
- Mohd Kamal Hassan. 1988. Pendidikan dan Pembangunan: Penghayatan Islam dalam Mempelajari dan Mengembangkan Ilmu. Nurin Enterprise. Kuala Lumpur.
- Mohd. Salleh Lebar. 1988. *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Nurin Enterprise. Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. 2008. *Pengurusan Kurikulum*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor, Malaysia.
- Olsen, K., Murthy D., dan Teare N. 1994. Strategic Leadership for Large Scale Reform: The Case of England's National Literacy and Numeracy Strategy. *School Leadership and Management*.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rohana Hamzah. 2010. *MENGENALI MANUSIA: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia. Johor Bahru.
- Russel Bertrand. 1959. *Wisdom of West: A Historical Survey of Western Philosophy in its Social and Political Setting*. McDonald, London.
- Sevier. 2003. *Changing our Schools: Linking School Effectiveness and School Improvement*. Open University Press. Buckingham.
- Sybouts. 1992. *The Fifth Discipline*. Doubleday, New York.
- Tajul Arifin Noordin. 1993. *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.